

# Kumpulan AmBank akan tentang saman Najib bersungguh-sungguh

SHAH ALAM - Kumpulan AmBank menyatakan kesediaan untuk menentang saman yang difailkan oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan bersungguh-sungguh.

Menerusi satu kenyataan yang disiarkan di laman Bursa Malaysia bertarikh 10 Disember lalu, AmBank menerusi anak syarikat milik penuhnya, AmBank Islamic Bhd menerima writ saman Najib pada 9 Disember 2019.

“Dalam tindakan ini, plaintif mahu menuntut ganti rugi berhubung dengan akaun semasa yang dibuka dengan AmBank Islamic.

“AMMB Holdings Berhad dan AmBank Islamic telah melantik peguam untuk mempertahankan saman itu dan telah dinasihatkan oleh peguam bahawa tuduhan itu tidak mampan dan AmBank Islamic serta syarikat mempunyai pembelaan yang kuat.

“AMMB dan AmBank Islamic akan menentang tindakan ini dengan bersungguh-sungguh. Saman ini tidak akan memberi kesan dari segi material terhadap operasi AmBank Islamic dan sya-

rikat,” katanya.

Pada 9 Disember lalu, Najib menyaman AmBank dan bekas pengurus hubungannya, Joanna Yu kerana menerima arahan daripada ahli perniagaan yang dikaitkan dengan skandal 1MDB, Jho Low serta mendedahkan maklumat perbankan kepadanya.

Najib yang kini menghadapi perbicaraan jenayah berkaitan tiga akaun dengan bank berkenaan, menuntut ganti rugi daripada AmBank dan Joanna kerana didakwa melakukan perbuatan itu, yang melanggar Akta Perkhidmatan Kewangan (FSA) dan Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (BAFIA).

Joanna didakwa menerima arahan daripada Jho Low dengan menghalang amaran *red flags* terhadap akaunnya dikeluarkan dan menghalang ahli politik berkenaan daripada dimaklumkan mengenai perkara itu serta mengambil tindakan.

Dalam saman yang difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Isnin lalu, Najib menamakan tiga defendan iaitu AMMB, AmBank Islamic Bhd dan Joanna.

m/2. 19

Sinar Harian - 12/12/2019